

Impak PNB jangkau seluruh dunia

Batu Pahat: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bangga dengan pencapaian Permodalan Nasional Berhad (PNB) sejak ditubuhkan 40 tahun lalu sehingga kini diangkat dan diiktiraf sebagai institusi unggul di Malaysia.

Malah, katanya, impak PNB menjangkau seluruh dunia seperti pembangunan hartanah terbesar di United Kingdom (UK) dibuat melalui PNB dan syarikat di bawahnya.

“Maknanya jika dulu ekonomi Malaysia dikuasai oleh penjajah, hari ini kita mampu menjadi pe-labur terbesar di UK.

“Kejayaan PNB selain kecekapan pengurusannya, mempunyai hubung kait dan hubungan simbiotik

yang tidak dapat dipisahkan dengan pengurusan ekonomi negara, dasar pembangunan negara yang dibawa oleh kerajaan selama ini.

Dasar pragmatik

“Dasar yang pragmatik, dasar yang memacu kadar pertumbuhan tinggi dalam negara menjadi antara faktor utama kejayaan PNB,” katanya.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan sumbangan PNB sebanyak RM700,000 kepada unit hemodialisis, Hospital Sultanah Nora Ismail di sini.

Sementara itu, Perdana Menteri turut melancarkan laman web baharu Takaful Ikhlas Berhad (Takaful Ikhlas), anak syarikat milik

penuh MNRB Holdings Bhd.

Ia mengintegrasikan laman web korporat dan portal e-Ikhlas bagi menawarkan perkhidmatan dan fungsi yang memenuhi keperluan pelanggan, agensi dan ejen.

Dalam majlis berasingan, Najib turut melancarkan topik keselamatan generasi baharu keluaran Sime Darby Plantation Bhd, yang dikeluarkan khusus bagi pekerja sektor perladangan kelapa sawit.

Sime Darby Plantation dalam satu kenyataan berkata, prototaip topik keselamatan dibangunkan jabatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) syarikat itu dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).